

Haslina kembali aktif

- 2 MAR 1991

S. Harian (M)

HASLINA Shahrudin memberi amaran untuk merampas semula gelaran Juara silat kebangsaan Kelas C, musim ini bagi merebut semula tempat dalam skuad negara menghadapi Sukan SEA Manila, November depan.

Berikutan itu, Haslina giat berlatih di gimnasium DEKL di Brickfield bagi menghadapi Kejuaraan Kebangsaan di Alor Star pada Ogos depan.

Haslina berkata, bagi melengkapkan diri merebut tempat dalam skuad kebangsaan ke Sukan SEA, dia terpaksa menanggungkan dulu kelahirannya cahaya mata pertama. "Saya direstui oleh suami bagi memenuhi hasrat mere-

but tempat ke Sukan SEA nanti," katanya.

Pemenang pingat perak Sukan SEA Kuala Lumpur '89 itu melangsungkan perkahwinan dengan pemain bolasepak kebangsaan, Razip Ismail, September lalu.

Perkenalan mereka hingga membawa ke jinjang pelamin bermula ketika sama-sama berada dalam kontinjen negara ke Sukan SEA '89.

Haslina berkata, walaupun menetap di Kuala Lumpur, dia akan mewakili Negeri Sembilan pada kejuaraan kebangsaan nanti.

"Oleh itu, saya tidak akan meninggalkan negeri tempat asal kelahiran saya yang

banyak menonjol saya dalam silat olahraga," kata pendekar dari perguruan Gayong Malaysia itu.

Tahun lalu, Haslina tidak bertanding pada kejuaraan kebangsaan di Selangor kerana mengalami kecederaan.

Berikutan itu, dia terlepas peluang mewakili negara ke Pesta Sukan Merdeka Brunei, Kejuaraan Silat Sedunia di Belanda dan Terbuka Malaysia di Kuala Lumpur.

"Saya begitu hampa ketika itu apabila sekadar menyaksikan rakan-rakan lain bertanding pada Terbuka Malaysia. Berikutan itu, semangat saya membakar kembali untuk beraksi di gelanggang," kata Haslina.



■ HASLINA...Semangatnya kian membara